



## SOALAN-SOALAN LAZIM BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT MASUK DAN KELUAR NEGARA  
BAGI PERJALANAN UDARA, DARAT & LAUT



**PERJALANAN MASUK KE  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Muka Surat 2 - 4*

**TRANSIT MELALUI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



*Muka Surat 5*



**BERLEPAS DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Muka Surat 6 - 7*

**SYARAT-SYARAT LAIN**



*Muka Surat 8 - 10*

*Jika ada sebarang pertanyaan lanjut, individu bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123 atau e-mel pertanyaan kepada [travelapplication@jpm.gov.bn](mailto:travelapplication@jpm.gov.bn)*



# KEMASUKAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



1.1

**Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan bukan mustahak (“non-essential”) ke Negara Brunei Darussalam?**

Ya, individu dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam bagi apa jua tujuan sama ada melalui udara, darat atau laut.



1.2

**Apakah syarat vaksinasi COVID-19 bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam?**

Berkuatkuasa pada 15 September 2022, Negara Brunei Darussalam tidak lagi mengenakan syarat vaksinasi bagi perjalanan masuk / keluar Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, individu adalah dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat perjalanan yang dikenakan oleh negara berlepas termasuk syarat vaksinasi.



1.3

**Saya telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19. Adakah saya dapat membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?**

Ya, awda boleh membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam.



1.4

**Adakah anak saya yang belum lengkap divaksinasi boleh membuat perjalanan bersama saya?**

Ya, anak awda (tanpa mengira status vaksinasi) boleh membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam.

Berkuatkuasa pada 15 September 2022, Negara Brunei Darussalam tidak lagi mengenakan syarat vaksinasi bagi perjalanan masuk / keluar Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, individu adalah dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat perjalanan yang dikenakan oleh negara berlepas termasuk syarat vaksinasi.



1.5

**Adakah individu-individu yang tidak boleh divaksinasi atas sebab perubahan dibenarkan untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?**

Ya, awda boleh membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam tanpa mengira status vaksinasi.

Berkuatkuasa pada 15 September 2022, Negara Brunei Darussalam tidak lagi mengenakan syarat vaksinasi bagi perjalanan masuk / keluar Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, individu adalah dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat perjalanan yang dikenakan oleh negara berlepas termasuk syarat vaksinasi.



1.6

**Adakah individu dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum berlepas?**

Individu tidak lagi dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam.



1.7

**Adakah individu dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan?**

Berkuatkuasa pada 15 September 2022, kesemua individu-individu yang memasuki Negara Brunei Darussalam (tanpa mengira status vaksinasi) tidak diperlukan untuk menjalani ujian COVID-19 setelah tiba di Negara Brunei Darussalam.



### Adakah individu dikehendaki untuk melengkapkan Borang Deklarasi?

1.8

Tidak. Berkuatkuasa pada 15 September 2022, individu tidak lagi dikehendaki untuk melengkapkan Borang Deklarasi Ketibaan sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam.



### Adakah individu dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran *Entry Travel Pass* untuk memasuki Negara Brunei Darussalam?

1.9

Tidak. Individu yang hendak memasuki Negara Brunei Darussalam tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan *Entry Travel Pass* memandangkan perjalanan bukan mustahak (melalui udara, darat & laut) sudah dibenarkan.



### Adakah individu dikehendaki untuk mendapatkan Visa untuk memasuki Negara Brunei Darussalam. Bagaimakah cara bagi mendapatkan Visa Kemasukan?

1.10

Warganegara asing adalah dinasihatkan untuk memeriksa keperluan Visa sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Warganegara asing bolehlah merujuk laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi syarat-syarat Visa yang terkini: <https://www.mfa.gov.bn/Pages/Visa-Information.aspx>



### Adakah pelawat dibolehkan untuk membuat permohonan bagi melanjutkan tempoh tinggal di Negara Brunei Darussalam?

1.11

Pelawat bolehlah menghadapkan permohonan bagi melanjutkan tempoh tinggal di Negara Brunei Darussalam, tertakluk kepada penilaian autoriti-autoriti yang berkenaan. Pelawat adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Jabatan Immigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi permohonan tersebut.

Tel: +673 2381107 / +673 2382108 / +673 2383106 / +673 2382430

E-mel: [info@immigration.gov.bn](mailto:info@immigration.gov.bn)

Laman web: <http://www.immigration.gov.bn/Theme/Home.aspx>



### Adakah individu/*Transport Operators* dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan sebelum meneruskan perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut?

1.12

Ya, Individu/ *Transport Operators* hendaklah mendapatkan kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Sila semak syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.



### Adakah *transport operators* dikehendaki untuk menjalani ujian saringan ART berjadual?

1.13

Tidak, ujian saringan ART berjadual bagi *Transport Operators* adalah dihentikan. Walaubagaimanapun, mereka disarankan untuk membuat ujian ART sendiri dari masa ke semasa dan jika mempunyai simptom jangkitan atau menjadi kontak rapat kepada kes positif.





**Apakah protokol kesihatan yang perlu individu patuhi semasa berada di Negara Brunei Darussalam?**

1.14

Semasa berada di Negara Brunei Darussalam, individu mesti mematuhi langkah-langkah kesihatan awam sepertimana lazimnya, termasuk sebarang langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang berkaitan dengan aktiviti yang mereka sertai atau tempat-tempat yang mereka lawati di Negara Brunei Darussalam.

**Saya merasa kurang sihat dan memerlukan penilaian perubatan. Klinik atau pusat kesihatan manakah yang boleh saya lawati semasa berada di Negara Brunei Darussalam?**



1.15

Individu yang merasa kurang sihat semasa berada di Negara Brunei Darussalam bolehlah melawat klinik / pusat kesihatan yang disenaraikan di bawah:

Daerah Brunei Muara : [Pusat Kesihatan Berakas](#) / [Pusat Kesihatan Pengkalan Batu](#)

Daerah Tutong : [Klinik Sungai Kelugos](#)

Daerah Belait : [SARI, Suri Seri Begawan Hospital](#)

Daerah Temburong: [Klinik Sungai Kelugos](#), [Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam \(PIHM\)](#), [Temburong](#)

Walau bagaimanapun, untuk sebarang kecemasan, individu-individu perlu menghubungi 991 atau pergi ke Bahagian Kecemasan di hospital-hospital Kerajaan.



**Apakah yang perlu individu lakukan jika individu disahkan COVID-19 positif?**

1.16

Jika individu disahkan COVID-19 positif, mereka dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di rumah kediaman atau hotel penginapan selaras dengan protokol kesihatan sepertimana lazimnya.



## TRANSIT MELALUI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



2.1

**Adakah individu dibenarkan untuk membuat perjalanan transit melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke negara destinasi?**

Ya. Individu dibenarkan untuk membuat perjalanan “*transit/transfer*” melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke negara destinasi.



2.2

**Adakah penumpang “*transit/transfer*” dibenarkan untuk membuat meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semasa membuat perjalanan transit?**

Ya, penumpang-penumpang “*transit/transfer*” yang berhasrat untuk menjalani pemeriksaan imigresen setelah ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan mendaftar masuk semula (“*check-in again*”) bagi penerbangan seterusnya ke negara destinasi, perlu memastikan mereka memenuhi kesemua syarat-syarat masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam sepertimana lazimnya.

Penumpang “*transit/transfer*” adalah dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam serta syarat-syarat “*transit/transfer*” yang ditetapkan oleh negara berlepas atau negara destinasi (jika berkenaan).



2.3

**Adakah individu dibenarkan untuk membuat perjalanan transit melalui darat & laut?**

Ya, individu adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan transit melintasi Negara Brunei Darussalam melalui darat dan laut bagi apa jua tujuan.

Perjalanan transit dengan melintasi Negara Brunei Darussalam mulai dari satu pos kawalan (semasa masuk) ke satu pos kawalan yang lain (semasa keluar) adalah dibenarkan dengan syarat ianya dilaksanakan pada hari / tarikh yang sama dan kesemua syarat-syarat perjalanan masuk/keluar adalah dipatuhi, kecuali keperluan bagi mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19.



# BERLEPAS DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## Adakah saya boleh membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?



3.1

Ya, awda dibolehkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, tidak ada sekatan terhadap perjalanan keluar dari Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, individu-individu mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan dan protokol kesihatan yang dikenakan oleh negara-negara yang dilawati dan syarat syarat kemasukan semasa kembali ke Negara Brunei Darussalam. Sila semak dengan Pihak-pihak berkuasa negara destinasi mengenai sebarang sekatan perjalanan dan syarat-syarat kemasukan yang dikenakan kepada individu-individu yang berlepas dari Negara Brunei Darussalam.

## Apakah syarat vaksinasi COVID-19 bagi perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?



3.2

Berkuatkuasa pada 15 September 2022, Negara Brunei Darussalam tidak lagi mengenakan syarat vaksinasi bagi perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, individu adalah dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat perjalanan yang dikenakan oleh negara destinasi, termasuk syarat vaksinasi.

## Saya dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum berlepas dari Negara Brunei Darussalam. Dimanakah saya boleh membuat ujian COVID-19?

Individu-individu yang hendak membuat perjalanan keluar negeri bolehlah membuat perjanjian bersama klinik-klinik yang disenaraikan di bawah untuk menjalani ujian RT-PCR:

### Klinik Noor Rohaya

- o No. 1, Simpang 293, Jalan Pasir Berakas
- o +673 2390282 / +673 8240282

### Jerudong Park Medical Center

- o Jerudong Park Medical Center, BG 3122
- o +673 2611433

### Panaga Health Center

- o Jalan Utara, Panaga, Seria, KB 2933
- o +673 8876454

### Klinik Dr Amir

- o No. 204, Ground Floor, Bangunan Mohammad Yusof, KM2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA 1712, Bandar Seri Begawan
- o +673 2336801 / +673 2222500 / +673 3337850

### UNI Clinic

- o No. 5, Simpang 490, Jalan Muara, Kg Sungai Hanching, BC 2115
- o +673 2335403 / +673 7325403

### Yong Clinic & Dispensary

- o No. 27, Ground Floor Muhibbah Complex II, Jalan Gadong, BE 3914
- o +673 2424301

### Kare Medical Clinic

- o Ground Floor, Block D, Unit 1, Kiarang Complex, Lebuhraya Sultan Hassanah Bolkiah, Kiarong BE 1318
- o +673 2455021 / +673 7305973

### C.Y. Lim Clinic

- o Block J, No 16, Ground Floor, Abdul Razak Complex, Gadong, BE 3519
- o +673 2449488 / +673 8913468



3.3

Individu bolehlah menjalani ART (jika dikehendaki oleh negara destinasi) di pusat-pusat ART yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam. Senarai pusat-pusat ART bolehlah didapati melalui pautan berikut:

<https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/Pusat-pusat%20pesijilan%20ART%201%20December%202021.pdf>

Sila ambil maklum bahawa klinik/pusat ART yang disenaraikan di atas bermungkinan tidak lagi menawarkan perkhidmatan ujian swab RT-PCR/ART dengan pemberitahuan yang singkat. Individu adalah dinasihatkan untuk menghubungi klinik sebelum membuat sebarang perjanjian.





3.4

**Bagaimanakah saya mendaftar jadual perjalanan saya melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA) sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam?**

Bagi memudahkan perhubungan sekiranya bantuan diperlukan semasa kecemasan atau krisis, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam perlu memastikan mereka mendaftar jadual perjalanan mereka melalui e-Register dalam laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri: <http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx>.



3.5

**Bagaimanakah saya menyemak syarat-syarat Visa sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?**

Individu adalah dinasihatkan untuk memeriksa keperluan Visa negara-negara yang dilawati sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam. Sila semak dengan ejen pelancongan, kedutaan asing atau rujuk kepada laman sesawang negara destinasi bagi syarat-syarat Visa yang terkini.



3.6

**Adakah saya perlu memohon kebenaran keluar negara (“Exit approval”) sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam?**

Tidak. Individu / *Transport operators* tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran keluar negeri (*Exit Approval*) bagi perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam.



## SYARAT-SYARAT LAIN

### Adakah saya memerlukan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 untuk membuat perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam?



4.1

Pelawat jangka pendek (Warganegara asing) perlu memastikan mereka telah mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19, dengan perlindungan sekurang-kurangnya BND\$20,000. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk membuat lawatan jangka pendek perlu memastikan mereka telah mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19, dengan perlindungan sekurang-kurangnya BND\$20,000. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan di negara destinasi.

### Apakah minimum perlindungan yang dipersyaratkan bagi Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19?



4.2

Minimum perlindungan yang dipersyaratkan bagi Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah sebanyak BND\$20,000.

Walau bagaimanapun, syarat-syarat insuran yang ditetapkan oleh negara-negara lain mungkin berlainan. Individu adalah dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat kemasukan negara destinasi.



4.3

### Berapa lamakah tempoh perlindungan bagi Insuran Perubatan Perjalanan?

Tempoh perlindungan bagi Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam atau negara destinasi.

### Siapakah yang dikecualikan daripada mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19?

Individu-individu yang **dikecualikan** daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah seperti berikut:



4.4

- (i) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang kembali ke negara ini.
- (ii) Warganegara asing yang memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.
- (iii) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian, sebagai tanggungan atau mempunyai visa/pas imigresen jangka panjang di negara destinasi.
- (iv) Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan ke negara kerakyatan.
- (v) Warga perkhidmatan awam yang membuat perjalanan rasmi yang ditanggung oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.
- (vi) Individu yang membuat perjalanan melalui darat & laut atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut, perjalanan transit dan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
- (vii) *Transport Operators*



4.5

### Bagaimanakah cara membeli Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19?

Awda bolehlah membeli Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 daripada syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam ataupun luar negara. Senarai syarikat insuran yang menawarkan produk Insuran Perubatan Perjalanan bolehlah didapati melalui: <https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx>







4.6

#### Saya membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam bersama-sama keluarga saya. Adakah Kumpulan Insuran sedia ada?

Prosedur “*Underwriting*” adalah berlainan bagi setiap syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.



4.7

#### Adakah Insuran Kumpulan bagi syarikat-syarikat boleh diterima?

Ya, jika Insuran Kumpulan berkenaan meliputi perbelanjaan bagi perjalanan dan perubatan bagi COVID-19 dengan perlindungan minimum BND\$20,000. Ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat perlindungan yang dinyatakan dalam dasar insuran atau takaful.



4.8

#### Bagaimanakah saya menerima salinan sijil insuran?

Salinan sijil insuran diberikan dalam format digital atau salinan cetak (“*hard copy*”) yang mana tertakluk kepada syarikat insuran atau takaful masing-masing.



4.9

#### Saya tidak mempunyai kad pengenalan Brunei. Adakah saya dapat membeli Insuran Perubatan Perjalanan daripada syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam?

Prosedur “*Underwriting*” adalah berlainan bagi setiap syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu hendaklah menunjukkan bukti pengenalan diri (seperti passport, dokumen perjalanan) untuk membeli insuran. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.

#### Apakah perlindungan yang diliputi di bawah Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19)?

Perlindungan yang diberikan adalah berbeza bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu akan diberikan manfaat-manfaat berikut, antaranya:

1. Manfaat bagi kecemasan perubatan dan pengangkutan kecemasan perubatan (“*Emergency Medical and Emergency Medical Transportation Benefits*”);
2. Manfaat bagi perjalanan yang dibatalkan (“*Trip Cancellation Benefits*”) Sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan (“*travel companion*”) mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin.
3. Manfaat bagi perjalanan yang terganggu (“*Trip Interruption Benefits*”) Sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan (“*travel companion*”) mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin.
4. Manfaat bagi perjalanan yang tertangguh (“*Travel Delay Benefits*”) Sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan (“*travel companion*”) mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin.



4.10

Terma, syarat-syarat dan pengecualian akan dikenakan. Ketersediaan sokongan bagi perlindungan COVID-19 (“*Availability of COVID-19 coverage endorsement*”), termasuk manfaat yang khusus dan perlindungan adalah berlainan bagi setiap syarikat insuran atau takaful.

Produk mungkin tidak meliputi kesemua manfaat atau perlindungan yang dinyatakan di atas. Manfaat yang diberikan juga mungkin tidak menampung kos penuh kerugian. Manfaat insuran tertakluk kepada had maksimum liabiliti, yang mana tertakluk kepada sub-had dan maksimum harian. Sila teliti dasar insuran awda untuk memahami perlindungan yang diberikan dan had yang dikenakan.





4.11

### Bagaimanakah cara membuat tuntutan daripada Syarikat Insuran atau Takaful jika saya disahkan positif COVID-19?

Prosedur bagi membuat tuntutan adalah berbeza bagi setiap Syarikat Insuran atau Takaful. Pada dasarnya, individu akan diberikan talian dua puluh empat jam (24 jam) yang mana boleh dihubungi jika diperlukan. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran / Takaful awda untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan.



4.12

### Bagaimanakah cara memanjangkan tempoh perlindungan insuran?

Permohonan bagi memanjangkan tempoh perlindungan insuran memerlukan sokongan ("endorsement"). Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.



4.13

### Apakah Caj Bayaran Masuk dan Keluar (CaP)?

Mana-mana individu yang hendak keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki (pedestrian) akan dikenakan Caj Perkhidmatan yang mana kadar caj adalah sebanyak BND\$3.00 seorang bagi setiap satu hala perjalanan.

Permohonan hendaklah dihadapkan melalui *Exit and Entry System* (EES), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang boleh di akses melalui <https://login.bdnsw.gov.bn/ees>



4.14

### Apakah yang perlu dilakukan oleh individu bagi memastikan perjalanan lancar?

Bagi memastikan perjalanan lancar, individu perlu memastikan mereka mempunyai kesemua dokumen-dokumen perjalanan yang sah dan mematuhi segala syarat-syarat masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam serta protokol kesihatan.

